

Tarikh: 16/04/2025

**Pemberitahuan Awam: RSPO Penilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Gomali, Dynamic Plantations Bhd, IOI Corporation Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 2-0002-04-000-00)**

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Gomali di bawah Syarikat Induk IOI Corporation Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (2-0002-04-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan penilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Segamat, Johor, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 26/05 hingga 30/05/2025 menggunakan persyaratan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018 . Model rantai bekalan adalah Identity Preserved.

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Gomali adalah: Nil

Kumpulan IOI merupakan salah satu konglomerat perniagaan tempatan yang berasal dari Malaysia. Dalam tempoh yang agak singkat iaitu selama 30 tahun, Kumpulan IOI telah berjaya membina kedudukan kukuh sebagai peneraju dalam bidang perniagaan terasnya iaitu Perladangan, Pembangunan & Pelaburan Hartanah, serta Pembuatan. Bermula sebagai entiti perladangan kelapa sawit, Kumpulan IOI telah berkembang menjadi pemain utama dalam industri minyak sawit bersepadu di negara ini. Ia merupakan salah satu kumpulan perladangan terbesar di Malaysia dengan pegangan ladang melebihi 160,000 hektar. Pengeluaran tahunan Minyak Sawit Mentah (CPO) melebihi 800,000 tan. Bagi memperkukuh kedudukannya sebagai pengeluar utama minyak sawit, IOI turut menceburi aktiviti pembuatan berasaskan minyak sawit hiliran yang bernilai tambah seperti penapisan minyak sawit, pengekstrakan isirung sawit, oleokimia serta penghasilan lemak dan minyak khas. Loji penapisan minyak sawit IOI Edible Oils di Sabah merupakan pengeluar pelbagai produk minyak sawit yang telah diproses dengan kualiti tinggi. Ia dilengkapi dengan jeti dan kemudahan pemasangan tangki pukal sendiri bagi penghantaran langsung produk minyak sawit. Loji ini merupakan penapisan minyak sawit pertama di Sabah yang memperoleh pensijilan ISO 9001. Melalui IOI Oleochemical Industries Berhad, Kumpulan IOI mengendalikan salah satu kemudahan pengeluaran oleokimia yang paling kukuh dan terbesar di Malaysia, menghasilkan pelbagai produk oleokimia untuk aplikasi industri makanan dan bukan makanan. Ia juga merupakan pengeluar asid lemak terbesar di Asia. [www.ioigroup.com](http://www.ioigroup.com)

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Gomali dan Sumber Pembekal		
<b>Kilang Kelapa Sawit</b>	Kilang Kelapa Sawit Gomali	
<b>Kapasiti KKS (ton/jam)</b>	120 MT/jam	
<b>Alamat / Lokasi</b>	5th Mile, Jalan Gemas-Batu Anam, Batu Anam, 85100 Segamat, Johor, Malaysia	
<b>Rujukan GPS</b> (dalam derajat, menit & detik)	<b>Latitude/Garis lintang</b>	2.610686
	<b>Longitude/Garis bujur</b>	102.679439
	<b>CPO</b>	67,000.60 mt



<b>Anggaran Tahunan (MT)</b>	<b>Pegeluaran</b>	<b>PK</b>	13,940.70 mt
		<b>FFB/TBS</b>	302,486.00 mt

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:


No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	Ladang Gomali	Jalan Gemas-Batu Anam, K.B. No. 102, 85100 Segamat, Johor, Malaysia	2.611408	102.673333	2,555.02	2,169.00	35,732.00	NL	N/A
2.	Ladang Paya Lang	Batu Anam, 85100 Segamat, Johor, Malaysia	2.582239	102.707517	2,465.26	1,191.00	26,872.00	NL	N/A
3.	Ladang Tambang	Tambang Estate, Batu Anam, Segamat, 85100 Johor, Malaysia	2.631947	102.716392	2,006.31	1,171.00	21,516.00	NL	N/A
4.	Ladang Sagil	8 Milestone, Jalan Tangkak-Segamat, 84900 Tangkak, Johor, Malaysia	2.315003	102.634469	2,504.99	1,147.00	25,580.00	NL	N/A
5.	Ladang Regent	2nd Mile, Jalan Batang Melaka, 73200 Gemencheh, Negeri Sembilan, Malaysia	2.513906	102.404467	2,300.21	2,121.00	39,185.00	NL	N/A
6.	Ladang Bahau	Batu 5, Jalan Bahau-Rompin, 72100 Bahau, Negeri Sembilan, Malaysia	2.808906	102.448622	2,829.71	2,630.00	59,213.00	NL	N/A
7.	Ladang Kuala Jelei	5KM, Jalan Tampin, 72109 Bahau, Negeri Sembilan, Malaysia	2.774456	102.389725	678.90	631.00	12,740.00	NL	N/A
8.	Ladang Bertam	Flora Horizon Sdn Bhd, Bertam Estate, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia	2.303903	102.284739	341.98	309.00	8,460.00	NL	N/A
9.	Ladang Jasin Lalang	Air Merbau, Jalan Jasin Bemban, Jasin Melaka, Malaysia	2.254469	102.421119	715.29	664.00	12,000.00	NL	N/A
10.	Ladang Bukit Dinding	1 1/2 Miles, Jalan Mentakab, 28600 Karak, Pahang, Malaysia	3.391125	102.0753	1,660.43	1,445.00	33,410.00	NL	N/A
11.	Ladang Bukit Serampang	KM 12, Jalan Sagil - Tangkak, 84900 Tangkak, Johor, Malaysia	2.323722	102.688167	2,725.13	2,003.00	27,778.00	NL	N/A
<b>TOTAL</b>					<b>20,783.23</b>	<b>15,481.00</b>	<b>302,486.00</b>		

Note: L - memiliki Liability; NL - tidak memiliki Liability



Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penanaman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

### 3. Lokasi Unit Pengurusan



BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama dipercayai di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. Mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.



Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidhir bin Zainal Abidin	Ketua Pasukan Audit Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit.</li> <li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, Latihan MPOB MSPO, MSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li> </ul>
Zulkifli bin Kamarol Zaman	Ahli Pasukan Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perniagaan Tani dari Universiti Putra Malaysia.</li> <li>- Mempunyai 10 tahun pengalaman dalam industri kelapa sawit bekerja sebagai Penolong Pengurus sebelum menyertai Badan Pensijilan sebagai Juruaudit.</li> <li>- Terlibat dalam operasi harian ladang serta amalan pengurusan terbaik untuk penanaman kelapa sawit.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus IMS (ISO 9001, ISO 14001 dan ISO 45001), Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, MSPO, MSPO SCCS, HCV-HCS Training dan SA8000.</li> </ul>
Nor Halis bin Abu Zar	Ahli Pasukan Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Sarjana Muda Sains, Teknologi Perladangan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA.</li> <li>- Mempunyai pengalaman pelaksanaan kelestarian selama lebih 6 tahun, termasuk kebajikan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja, pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar di kawasan penampakan dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit IMS ISO 9001 &amp; ISO 14001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, ISO 45001, MSPO, MSPO SCCS, Latihan Keperluan SMETA dan Latihan HCV-HCS.</li> </ul>

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent



- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: ..... Emel: .....  
 Jabatan: ..... Nombor telefon: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**

Dr. Chaiyaporn Seekao  
 BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.  
 Suite 29.01 Level 29 The Gardens North  
 Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed  
 Putra 59200 Kuala Lumpur  
 Wilayah Persekutuan, Malaysia  
 Faks : +603 9212 9639  
 Emel : [chaiyaporn.seekao@bsigroup.com](mailto:chaiyaporn.seekao@bsigroup.com)

**DAN / ATAU**

**Auditee:**

En. Mohamad Zulkarnain bin Zubir Ahmadi  
 IOI Plantation Services Sdn. Bhd.  
 Sustainability Department, Gomali Estate  
 5th Mile Jalan Gemas Batu Anam, KB. No. 102  
 85100 Batu Anam, Segamat  
 Johor, Malaysia  
 Faks : -  
 Emel : [mohamad.zulkarnain@ioigroup.com](mailto:mohamad.zulkarnain@ioigroup.com)

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....

Dr. Chaiyaporn Seekao  
 Pengurus  
 Teknikal & Pematuhan - Makanan (RSPO)